



2013

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MENGEMUDI PEMBANGUNAN FASA BARU

NAVIGATING THE NEXT
PHASE OF DEVELOPMENT

• ADDRESSING SOCIO-ECONOMIC IMBALANCES

IMPROVING THE QUALITY OF LIFE AND STRENGTHENING INSTITUTIONS

• RAISING THE CAPACITY FOR KNOWLEDGE



• IMPLEMENTATION CAPACITY



RATIONAL MUKA DEPAN

Kompas digunakan untuk menonjolkan peranan NCIA dalam memandu pertumbuhan Koridor Utara. Objektif Fasa satu Koridor Utara disusun untuk membentuk bulatan kompas dengan jarumnya diarahkan kepada slogan (tagline). Walaupun objektif Fasa 1 sudah dicapai, NCIA kekal berdiri teguh dengan komitmennya untuk menjadi pemangkin pertumbuhan dengan kesamaan ekuiti dalam memulakan langkah ke Fasa 2.

COVER RATIONALE

A compass is used to accentuate NCIA's role in guiding the growth of Koridor Utara. The region's Phase 1 objectives are arranged to form the circular shape of a compass, its needle pointing at a die-cut that reveals the tagline. Inside, the goals of the second phase are displayed, along with the tagline. Even though the Phase 1 objectives have been met, NCIA remains steadfast in its commitment to catalyse growth with social equity as it embarks on its second phase.

MENGEMUDI PEMBANGUNAN FASA BARU

NAVIGATING THE NEXT
PHASE OF DEVELOPMENT

- CATALYSE ECONOMIC GROWTH BY ENCOURAGING PRIVATE SECTOR PARTICIPATION AND ENHANCING THE SUPPORT ECO-SYSTEM
- CAPITALIZE ON REGIONAL TRADE NETWORKS • ENSURE SOCIO-ECONOMIC SPILL-OVERS TO THE RAKYAT
- GROW AND MAINTAIN AN INDUSTRY-RELEVANT TALENT BASE • DIVERSIFYING THE ECONOMY BY LEVERAGING ON CORE CLUSTERS
- FOSTERING A STRONG INNOVATION ENVIRONMENT





KANDUNGAN

Wawasan	4
Penubuhan Dan Objektif	6
Perutusan Pengerusi	8
Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	10
Jawatankuasa Pengurusan	12
Jawatankuasa Audit	13
Pengurusan NCIA	14
Carta Organisasi	16
Kenyataan Ketua Eksekutif	18
Sorotan 2013	20
Pencapaian Ketara Tahun 2013	22
Sektor Pertanian	26
Sektor Pembuatan	32
Sektor Pelancongan	40
Sektor Logistik	48
Pendidikan Dan Pembangunan Modal Insan	56
Pemasaran Dan Perhubungan Pelabur	64
Menyentuh Hati Rakyat Koridor Utara	72
Penyata Kewangan	74
Liputan Media	98



WAWASAN

Menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan, kediaman dan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam persekitaran yang selamat, bersih dan mampan menjelang tahun 2025.





PENUBUHAN DAN OBJEKTIF

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan halatuju dan merangka dasar-dasar dan strategi berhubung pembangunan sosio-ekonomi di Koridor Utara, yang merangkumi 22 daerah di utara Semenanjung Malaysia di negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Objektif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah:

1. Mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor-sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan, dan logistik ke arah peningkatan dalam rantaian nilai;
2. Menangani ketidakseimbangan sosio-ekonomi;
3. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi;
4. Memperbaiki kualiti hidup; dan
5. Mengukuhkan institusi dan kapasiti pelaksanaan



PERUTUSAN PENGERUSI



**Dato' Sri Mohd Najib bin
Tun Haji Abdul Razak**

Pengerusi

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, 2013 merupakan satu lagi tahun yang hebat pencapaiannya. Didorong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang kukuh, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada suku keempat 2013, melebihi jangkaan pakar ekonomi sebanyak 4.8%. Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan, manakala sektor luar negara dijangka mendapat manfaat daripada keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Berlandaskan trend menaik ekonomi Malaysia, Bank Dunia juga telah menaik taraf prospek pertumbuhan negara kita kepada 5.4% bagi tahun 2014. Kedudukan A- dalam piawai *Standard & Poor* menunjukkan bahawa negara kita masih mempunyai asas-asas ekonomi yang kukuh berbanding negara-negara jiran serantau. Di samping itu, hasil bon kerajaan 10 tahun adalah sebanyak 3.4%, berbanding 3.46% yang dicapai oleh China. Ini bermakna sifat pasaran di Malaysia adalah kurang berisiko.

Pada tahun 2013, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) memulakan perjalanan ke fasa kedua Rangka Tindakan Koridor Utara. Fasa baharu sudah pasti akan menjadi tempoh yang menarik ke arah mencapai tahap yang lebih baik untuk pembangunan di rantau ini. Pelaksanaan 16 hasil inisiatif NCIA adalah bukti usaha gigih yang disumbangkan melalui program-program Koridor Utara walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menggalakkan pada masa sekarang.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada NCIA kerana sekali lagi telah menunjukkan keupayaan yang tersendiri untuk berkembang maju dalam persekitaran yang mencabar. Bagi tahun 2013, NCIA berjaya mencatatkan RM10.7 bilion dalam pelaburan sektor swasta kepada ekonomi tempatan. Di samping itu, 18,403 peluang pekerjaan juga telah diwujudkan dalam pelbagai bidang.



Untuk terus kekal dalam era baharu ini, NCIA perlu menggunakan pendekatan yang lebih berdaya cipta dalam mewujudkan hubungan yang berkekalan dengan sektor swasta. Cabaran ini tidak boleh dipandang ringan, tetapi saya amat yakin bahawa NCIA akan memanfaatkan prestasi semasa dan mencapai tahap baharu kejayaan mereka dalam mewujudkan pembangunan yang berteraskan ekuiti sosial sebagai matlamat utamanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pengurusan NCIA dan kerajaan-kerajaan negeri atas semangat yang tidak berbelah bahagi yang diberikan dalam membawa perubahan positif yang akhirnya akan meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat di kawasan utara. Berdasarkan rekod prestasi yang sangat baik, saya berkeyakinan bahawa NCIA akan terus berada di barisan hadapan dalam memainkan peranan sebagai pendongkrak transformasi ekonomi di dalam pembangunan Koridor Utara.

Sekian, terima Kasih.

1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Dato' Seri Mohd Najib



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

AHLI-AHLI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA



Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri (Pengerusi)



Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri



Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Haji Mukhriz
bin Tun Dr Mahathir
Menteri Besar Kedah



Yang Amat Berhormat
Dato' Seri DiRaja Dr. Zambray
bin Haji Abd. Kadir
Menteri Besar Perak



Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Azlan bin Man
Menteri Besar Perlis



Yang Amat Berhormat
Tuan Lim Guan Eng
Menteri Besar Pulau Pinang



Yang Berhormat
Senator Dato' Sri Abdul Wahid
bin Omar
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



Yang Berbahagia
Tan Sri Dr. Alibin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara



Yang Berbahagia
Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
Timbalan Pengerusi Khazanah
Nasional Berhad



Yang Berbahagia
Tan Sri Mohd Bakke bin Salleh
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Sime Darby



Yang Berbahagia
Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan
Koridor Utara (Setiausaha)

JAWATANKUASA PENGURUSAN

PENGERUSI

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa

Ketua Setiausaha Negara

AHLI-AHLI

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

YB. Dato' Paduka Wira Haji Mohd Puat bin Haji Mohd Ali

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

YB. Tuan Romli bin Dai

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YB. Dato' Haji Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YBhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain

Ketua Pengarah Unit Perancang Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Dato' Azlin bin Alias

Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri

YBhg. Dato' Redza Rafiq

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

JAWATANKUASA AUDIT

PENGERUSI

YB Dato' Azizan bin Hamid

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

AHLI-AHLI

YB. Dato' Haji Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YBhg. Dato' Rahim bin Abu Bakar

Wakil Kementerian Kewangan

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain

Wakil Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Razali bin Che Mat

Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

PENGURUSAN NCIA





Dari kiri ke kanan

Dr. Wan Abdul Rahaman Wan Yaacob
Pertanian dan Bioteknologi

Rosmin Mohamed
Pemasaran dan Perhubungan Pelabur

Ir. Cheang Wai Mun
Teknologi dan Industri

Fajaffri Mohd Fadzil
Pembuatan

YBhg. Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif

Muhammad Zaki Mohd Saman
Pelancongan


Kuan Eu Jin
Logistik


Farid Wajidi
Operasi dan Tugas-tugas Khas

Zuhairi Mohmad
Perkhidmatan Korporat

Jariyah Hashim
Pendidikan dan Perhubungan Pelabur

CARTA ORGANISASI







Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif

KENYATAAN KETUA EKSEKUTIF

Tahun 2013 menandakan permulaan Fasa 2 Rangka Tindakan Koridor Utara, yang akan melihat kepada usaha kita dalam memberi tumpuan kepada kedudukan rantau ini sebagai lokasi yang kondusif untuk pertumbuhan perniagaan, pelaburan dan keusahawanan. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) juga komited untuk menjadikan rantau ini sebagai tempat pilihan untuk bekerja, mendapatkan pendidikan dan tempat kediaman. Perkara tersebut akan dapat dicapai melalui penubuhan sebuah ekonomi serantau yang berdaya tahan. Ini seterusnya akan memudahkan kewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan.

Program-program NCIA adalah berpandukan kepada 6 matlamat menyeluruh antaranya adalah mewujudkan persekitaran yang kukuh untuk inovasi, mempelbagaikan ekonomi masa kini dengan memanfaatkan kelompok industri teras, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan penyertaan sektor swasta dan ekosistem sokongan. Selain daripada matlamat-matlamat tersebut, NCIA berhasrat untuk mengembang dan mengekalkan bakat-bakat dalam sektor-sektor industri berkenaan serta memanfaatkan rangkaian perdagangan serantau, seterusnya memastikan limpahan sosio-ekonomi kepada rakyat.

Pada tahun 2013, pendekatan yang unik dan menyeluruh NCIA dalam program-program ini telah menghasilkan pelaburan sejumlah RM10.7 bilion dan 18,403 peluang pekerjaan di bawah 4 sektor teras utama Koridor Utara. NCIA juga mencapai 61.7% dalam jumlah penyertaan sektor swasta tempatan, yang jauh melebihi sasaran awal sebanyak 25%. Semua ini telah dicapai walaupun dalam iklim ekonomi global yang mencabar.

Usaha NCIA dalam meningkatkan taraf hidup rakyat tidak terhad kepada membawa masuk pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan semata-mata. Organisasi ini juga telah menunjukkan bahawa ia mampu memperluaskan peranannya dengan menjadi sebuah konduktif penting kepada rakyat. Pada tahun 2013, sejumlah 760 penduduk telah mendapat faedah daripada inisiatif NCIA dalam membaiki rumah-rumah usang. Selain itu, 202 peserta kurang upaya telah terlibat di dalam program-program pembangunan modal insan NCIA dan 57 Orang Asli telah diberi latihan kemahiran bagi membantu mereka memperoleh pekerjaan dalam komuniti tempatan.

Untuk memastikan pertumbuhan yang berterusan di rantau ini, NCIA akan mensasarkan industri berpotensi dengan hasrat untuk mengurangkan kebergantungan kepada sektor yang kurang berprestasi. Dari tahun 2013 hingga 2020, NCIA akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang baharu seperti *solid state lighting*, automotif, aeroangkasa, peralatan perubatan, solar dan pertanian berteraskan teknologi.

Untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta, NCIA telah mulakan pelaksanaan *shared value concept* (SVC) sebagai satu pendekatan untuk mencapai objektif utamanya. Selain daripada melihat kepada keperluan dan Tanggungjawab Sosial Korporat dan *philanthropy*, SVC melihat kepada penglibatan masyarakat dalam agenda ekonomi sektor swasta melalui model perniagaan berstruktur, yang akan menggalakkan kebergantungan antara sektor swasta dan masyarakat.

NCIA sedar bahawa penyertaan sektor swasta yang tinggi adalah penting dalam merealisasikan agenda transformasi Koridor Utara menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025. Oleh itu, misi fasa kedua NCIA ini adalah untuk memperluaskan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi Koridor Utara. Evolusi fasa kedua Koridor Utara ini juga akan melihat kepada penggunaan pendekatan baharu untuk membawa pembangunan sosio-ekonomi rantau ini ke tahap yang seterusnya.

Rantaian bekalan yang meluas dan berkesan adalah penting bagi kejayaan pembangunan perniagaan di rantau ini. NCIA akan meneruskan usaha untuk menambahbaik ekosistem perniagaan Koridor Utara, yang seterusnya akan memastikan kemampuan usaha perniagaan di rantau ini. Koridor Utara mempunyai potensi yang tinggi dan dengan sokongan daripada pihak kerajaan, sektor swasta dan rakyat, NCIA percaya bahawa potensi ini akan dapat direalisasikan bagi memastikan pembangunan berteraskan ekuiti sosial tercapai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, Kementerian dan agensi serta rakan-rakan perniagaan atas sumbangan mereka terhadap pencapaian NCIA setakat ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurus dan Ahli Majlis di atas bimbingan yang diberikan kepada pengurusan NCIA sepanjang tahun yang lalu. Sokongan berterusan mereka akan mendorong pasukan NCIA untuk berusaha dan berjaya pada masa hadapan. Bagi pengurusan dan kakitangan NCIA yang berdedikasi, terima kasih untuk tahun lalu yang memberangsangkan!


Koridor Utara - Pertumbuhan dengan kesaksamaan sosial!

Terima kasih


Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif

SOROTAN 2013


Pencapaian NCIA



Penyertaan Pelaburan



Pencapaian NCIA - Sasaran vs Sebenar



16 Hasil 2013



PENCAPAIAN KETARA TAHUN 2013

Majlis Pelancaran Menuai Padi Bagi Program Modul Pengurusan Padi (EMM) di Sik oleh Dato' Tajuddin



Majlis Penuaian Beras Program Model Pengurusan Padi (EMM) Tasek Gelugor



Pelancaran Fasa Dua NCIA di Perak



Majlis Jiwa Murni Bersama Rakyat - Sik

Majlis Penutupan Program Outreach Fun with English



Program Eksplorasi Kerjaya dan Kemahiran NCIA-PeKA bertempat di SMK Bukit Gantang, Kerian, Perak

Pelancaran Loji KTM



Majlis Berbuka
Puasa & Jalinan
Ukhwah di
Koridor Utara -
Perak



Majlis Menandatangani
Perjanjian Usaha
sama JCS Core dan
Xadacorp



Persidangan untuk
Penjaga Pesakit
Kanser -PAH &
NCIA



Pelancaran
Station FMS
di Laman
Taman Tasik
Taiping

PENCAPAIAN KETARA TAHUN 2013

Pelancaran
Pelan
Pembangunan
Strategik
Negeri Perlis



NCIA SLIM Majlis
Penganugerahan
Pembangunan
Bakat Muda



VISB CoE
- E & E -
Sambutan
graduan
– graduan
MSC
ESDE dan
Penyelidikan
NCADD MSC



Mesyuarat
Jawatankuasa
Pengurusan
Pihak Berkuasa
Pelaksanaan
Koridor
Utara
Kesepuluh

Sidang Media Khas
(JPB / Unifortune
/ UWC / Sri
Chenang)



Program Eksplorasi
Kerjaya dan Kemahiran
NCIA-Peka bertempat
di SMK Sungai Bayor,
Selama, Perak

Edu-Cititel
Perlis - Sesi
dengan MB
Perlis



Majlis
Menandatangani
MoU MAPA di
Pusat Biotech
NCIA



Majlis Menandatangani
UniMAP - JPB Asia di Forum
2013, Universiti Asian



Pelancaran Kem
Pangkalan Taman
Negeri Diraja dan
Perkampungan
Pelancongan



Majlis
Pengiktirafan
Program Latihan
Vokasional
Pertanian &
Keusahawanan
Sekolah



A wide-angle photograph of a lush green rice paddy. In the distance, there's a line of trees and several small, simple buildings with blue roofs. A prominent palm tree stands in the center-right of the frame. The foreground is filled with the dense, green stalks of rice plants.

SEKTOR PERTANIAN

SEKTOR PERTANIAN





Gambaran Keseluruhan

Sejak pembentukan Malaysia, pertanian telah menjadi pemacu utama pembangunan negara. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1970-an, negara ini secara beransur-ansur berubah daripada pengeluar bahan mentah menjadi sebuah negara ekonomi pelbagai sektor. Hari ini, selepas lebih 40 tahun pembangunan perindustrian yang pesat, pertanian hanya menyumbang 7.2% daripada KDNK Malaysia, berbanding dengan 31% pada tahun 1970-an.

Walaupun sumbangan sektor ini kepada KDNK Malaysia telah merosot, ini tidak bermakna bahawa kepentingannya telah menurun. Kadar urbanisasi yang pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah menyebabkan peningkatan pendapatan dan kepadatan penduduk yang ketara. Hal ini telah menyebabkan perubahan dalam corak perbelanjaan rakyat.

Walaupun pihak Kerajaan berusaha menyediakan bantuan kepada petani dengan berkongsi amalan pertanian moden, teknologi dan bahan-bahan penanaman yang lebih baik melalui pelbagai agensi kerajaan, kadar penggunaan teknologi progresif dan amalan agronomi dalam kalangan petani masih rendah.

Oleh itu, adalah penting bagi NCIA untuk menubuhkan zon makanan moden dengan menggunakan teknologi terkini untuk mengurangkan kebergantungan kepada bekalan makanan dari luar negara dan memastikan kestabilan harga pasaran. Dalam membangunkan zon makanan moden baharu ini, NCIA bersandarkan kepada dua matlamat penting, iaitu untuk memastikan langkah-langkah keselamatan makanan dan bio dilaksanakan.

Dalam hal jaminan makanan negara, NCIA memberi tumpuan kepada memastikan bekalan makanan mencukupi dan peningkatan hasil ladang. Oleh itu, NCIA secara aktif menggunakan teknologi dan metodologi baharu yang akan membolehkan industri menggerakkan rantaian nilai dan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

NCIA juga sedang membangunkan langkah-langkah pencegahan yang direka untuk mengurangkan risiko makhluk perosak dan jangkitan penyakit-penyakit dalam industri tanaman dan ternakan. Pusat Pembangunan Benih Tropika yang baru ditubuhkan akan menjadi tumpuan utama dalam membangunkan benih berkualiti tinggi bukan sahaja di rantau ini, tetapi bagi industri benih tropika secara global.

Lanjutnya daripada itu, NCIA juga telah menunjukkan minat yang mendalam dalam merapatkan jurang antara sektor swasta dan awam yang terlibat dalam bidang pertanian di rantau ini. NCIA akan terus bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan pihak berkuasa berkenaan untuk meneroka pasaran baharu bagi penghasilan produk-produk pertanian.

SEKTOR PERTANIAN

Pusat Pembangunan Benih Tropika

Dalam menyokong Agenda Bio-ekonomi Negara di dalam jaminan makanan, NCIA dan syarikat BioNexus, Green World Genetics Sdn. Bhd (GWG), telah menubuhkan Pusat Pembangunan Benih Tropika yang bertujuan untuk memenuhi permintaan benih berkualiti tinggi di rantau ini.

GWG adalah sebuah organisasi berdasarkan penyelidikan yang mengkhusus dalam bidang ternakan berkualiti tinggi benih hibrid tropika dengan menggunakan peralatan bioteknologi. Ia juga mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan hasil pertanian dengan mengawal kualiti dan ketekalan bahan tanaman.

Selain penubuhan pusat berkenaan, GWG terlibat dalam menyediakan latihan amali kepada peserta dalam pengeluaran benih hibrid bersama Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC). Pada tahun 2013, GWG telah melatih 31 orang pelajar NATC, graduan program ini akan mempunyai peluang sama ada untuk bekerja dengan GWG sebagai kontraktor atau memulakan kerjaya sebagai agropreneur untuk pengeluaran benih.

Pada masa ini, 4 graduan daripada program ini telah bekerja sepenuh masa dengan syarikat tersebut. Dalam mengorak langkah ke Fasa 2, Koridor Utara telah membangunkan program yang lebih khusus bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor yang bernilai tinggi ini.


Model Pengurusan Estet

Model Pengurusan Estet atau EMM adalah program khas yang menggunakan tanah terbiar untuk tujuan penanaman padi menggunakan kaedah pertanian moden. EMM meningkatkan penggunaan jentera dan memudahkan proses pertanian seperti meratakan tanah, meneutralkan asid tanah, menyediakan benteng, membina saliran dan penuaian. Kaedah ini akan membantu peserta untuk meningkatkan hasil padi dan akhirnya menambah pendapatan mereka.

Sejak pengenalan program ini, tujuh kawasan telah mendapat manfaat daripada kaedah penanaman padi moden yang dianjurkan. Pada tahun 2013, NCIA bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang (PPNPP) untuk melaksanakan program ini di Seberang Perai Utara melibatkan kawasan pembangunan seluas 1,000 hektar. Model ini pada tahun 2013 telah meningkatkan hasil pengeluaran padi sehingga 83.3% bagi setiap hektar. Di samping itu, 550 petani menerima kesan secara langsung daripada program ini dan 273 penduduk tempatan kini telah mendapat pekerjaan sama ada secara separuh masa atau sepenuh masa.



Penanaman benih berkualiti tinggi akan membangunkan Koridor Utara sebagai zon makanan moden



Tapak Model Pengurusan Estet di Kedah


Memandangkan rantau ini mempunyai lebih daripada 60% daripada tanah pertaniannya untuk penanaman padi, inisiatif ini merupakan satu daripada kaedah yang baik yang boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain. Usaha ini boleh menarik lebih ramai penyertaan daripada generasi muda dengan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi menerusi peningkatan produktiviti.




Perladangan Rumah Hijau

Pada tahun 2013, NCIA, JPB Asia Pasifik dan UniMAP telah bekerjasama untuk membangunkan pusat pertanian komersil bersepadu untuk penanaman mangga di Sg. Chuchoh di Padang Besar, Perlis. Program 10 tahun ini akan melibatkan pembinaan rumah hijau tertutup yang dilengkapi dengan sistem pengairan dan unit kawalan.

Program ini terdiri daripada 25 buah rumah hijau untuk penanaman mangga India Merah dan Harumanis. Dengan penggunaan teknologi khusus yang dibangunkan oleh UniMAP dan juga teknologi Jepun, kedua-dua spesis bernilai tinggi akan dapat ditanam sepanjang tahun di persekitaran yang terkawal dan bebas daripada serangan serangga serta penyakit.





SEKTOR PEMBUATAN

SEKTOR PEMBUATAN

Gambaran Keseluruhan





Sektor pembuatan di Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan kukuh sejak kebelakangan ini dan kini mencakupi lebih daripada 25% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sektor ini telah menjadi sektor yang paling pesat berkembang dalam ekonomi Malaysia.

Koridor Utara menyumbang lebih daripada 45% daripada eksport sektor pembuatan Malaysia. Budaya perniagaan matang yang telah dibangunkan sejak empat dekad yang lalu telah mewujudkan bilangan tenaga kerja yang ramai serta berpendidikan tinggi, rangkaian logistik yang luas dan canggih. Iklim perniagaan yang berkembang maju dengan kehadiran syarikat multinasional yang besar berserta rangkaian dan pasaran global telah mengukuhkan daya saing rantau ini.

Pada tahun 2013, NCIA telah menarik pelaburan berjumlah RM7,050.29 juta hanya dalam sektor pembuatan sahaja, dimana ini menyumbang kepada 8,326 peluang pekerjaan. Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada sektor elektrik dan elektronik (E & E), NCIA telah berusaha untuk mempelbagaikan tumpuan sehingga meliputi industri yang baharu muncul. Antara industri yang dikenal pasti oleh NCIA untuk mengekalkan pertumbuhan Koridor Utara ialah bidang baharu seperti *solid state lighting*, automotif, aeroangkasa, peralatan perubatan, solar dan pertanian berteraskan teknologi.

NCIA menitikberatkan peningkatan infrastruktur industri pembuatan untuk menyediakan persekitaran yang menarik dan kondusif bagi sektor swasta. NCIA akan terus meningkatkan hubungan antara syarikat-syarikat multinasional dan pelabur tempatan dengan menggalakkan kerjasama antara syarikat-syarikat dan memanfaatkan persekitaran perniagaan matang yang telah lama wujud di Koridor Utara .

SEKTOR PEMBUATAN

Pusat Kecemerlangan

Sebelum ini, telah diketahui umum bahawa kejayaan Malaysia dalam sektor pembuatan sebahagian besarnya adalah dikaitkan dengan kelebihan dari segi kos. Sejak akhir-akhir ini, daya saing ini telah diambil alih oleh negara-negara lain seperti China dan Vietnam.

Berlandaskan hal ini, Malaysia perlu menimbang semula cadangan nilai kepada pelabur dan membangunkan aktiviti nilai yang lebih tinggi yang akan terus mengukuhkan sokongan yang diberikan kepada industri pembuatan.

Menyedari bahawa terdapat jurang yang ketara dalam bidang ini, NCIA telah mengambil inisiatif untuk membangunkan pusat kecemerlangan (COE) dalam bidang-bidang teras. COE ini akan membantu dan memudahkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi syarikat tempatan, seterusnya menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menempatkan operasi mereka atau menggunakan kepakaran serta ekosistem penyelidikan dan pembangunan di Koridor Utara.



Para peserta simposium anjuran CREST 2013

Pusat Kerjasama Penyelidikan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)

Pusat CREST telah ditubuhkan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi industri E & E di Malaysia. Pusat ini merupakan platform bagi peserta industri, ahli akademik dan kerajaan untuk bekerjasama dan menggalakkan penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan aktiviti E & E. Aktiviti pusat itu memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan, pembangunan bakat dan pengkomersilan untuk mewujudkan ekosistem penyelidikan yang menyokong sektor pembuatan sedia ada.

CREST didokong penuh oleh peserta industri utama; dan daripada 13 ahli-ahlinya, 10 adalah syarikat-syarikat terkemuka E & E, iaitu Advanced Micro Devices (AMD), Agilent Technologies, Altera, Avago Technologies, Clarion, Intel, Motorola Solutions, National Instruments, OSRAM, dan Silterra, bersama-sama dengan NCIA, Khazanah Nasional, dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Antara pencapaian yang ketara bagi tahun 2013 adalah Simposium CREST yang telah berjaya diadakan di Pulau Pinang. Bertemakan "Kerjasama dan Berjaya dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R & D)" untuk industri Elektrik dan Elektronik (E & E). Simposium ini telah berjaya menarik pihak industri, ahli akademik dan pertubuhan kerajaan untuk bekerjasama dalam mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu sektor E & E. Simposium ini dihadiri oleh 200 peserta dari Malaysia, Taiwan dan Singapura yang mempunyai kepentingan di dalam sektor E & E.



Simposium Kepimpinan Teknikal untuk E & E pada Jun 2013 dianjurkan oleh COE E & E

Pusat Kecemerlangan Pertanian Bioteknologi (COE Agri Bio)

Pada tahun 2013, satu projek baru untuk membangunkan ekosistem industri akuakultur diperkenalkan di bawah COE Agri Bio. Dalam usaha untuk menghasilkan produk akuakultur berkualiti tinggi adalah penting bahawa anak-anak ikan diberi makanan yang berkhasiat. Oleh itu, program ini bertujuan untuk menubuhkan kemudahan penetasan artemia yang akan menghasilkan pelbagai jenis makanan berdasarkan artemia, kemudahan pembungkusan artemia dan makmal ujian yang memenuhi Piawaian Eropah. Selain itu, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam makanan ikan juga akan dijalankan untuk meningkatkan kualiti.

Pusat Kecemerlangan Industri Solar dan Elektronik Bersepadu NCIA (NSILICON)

NSILICON adalah kesinambungan daripada projek Silterra, NCIA dan Pusat Kecemerlangan UniMAP (SNUCoE). Tujuan program ini adalah untuk menjana modal insan yang teknikal dan cekap serta meningkatkan inovasi di kalangan pihak berkepentingan, terutamanya ahli akademik dan pihak industri. Ia akan terus menerajui agenda nasional untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan meningkatkan bilangan aktiviti R & D strategik di negara ini. Program ini terdiri daripada penyediaan makmal mikro fabrikasi wafer dan reka bentuk sistem standard industri mikro elektromekanik (MEMS) yang terkemuka. Dalam makmal ini, mikrosistem yang lengkap dan maju boleh dihasilkan bagi menyokong wafer semikonduktor, solar dan sektor LED kerana ia dihasilkan melalui teknik pemendapan yang sama.

Makmal Field Programmable Grid Array di UniMAP

Makmal yang terletak di Ambience UniMAP Kuala Perlis, adalah hasil daripada kerjasama antara NCIA, Altera dan UniMAP. *Field Programmable Grid Array (FPGA)* merupakan teknologi baharu yang menggunakan blok logik atur cara yang boleh digunakan dalam aplikasi yang berbeza. Teknologi ini yang bakal menggantikan *Application Specific Integrated Circuit (ASIC)* kerana ia menawarkan reka bentuk dan pengaturcaraan yang fleksibel, serta keberkesanan kos daripada ASIC. Makmal ini dijangka menceburi pelbagai projek R & D yang akan meliputi pemprosesan isyarat digital, perisian radio, pengimejan perubatan, *computer vision*, *speech recognition* dan sebagainya yang semakin meningkat di kawasan lain.

SEKTOR PEMBUATAN

Penglibatan dengan sektor swasta

Selain mewujudkan COE untuk industri pembuatan, NCIA juga telah mengadakan hubungan strategik dengan syarikat-syarikat besar dalam industri bertujuan membantu usaha menutup jurang yang wujud dalam infrastruktur dan pembangunan. Hubungan ini wujud dalam pelbagai bentuk bagi menangani keperluan kritikal yang memerlukan campur tangan secara langsung dari NCIA. Tambahan pula, pembabitan sektor swasta ini juga akan memastikan peluang pekerjaan dan perniagaan dapat dijana untuk penduduk rantau ini.



ABio Orthopaedics Sdn Bhd (ABio)

ABio merupakan pembekal larutan pengilangan kontrak yang membekalkan peralatan pembedahan ortopedik, komponen dan alat-alat pembedahan. Oleh kerana permintaan yang menggalakkan, ABio mengembangkan operasinya bagi menampung jumlah pembuatan kontrak yang besar daripada pelanggannya. Kekurangan pembekal peringkat kedua bagi sektor ini telah mendorong ABio untuk bekerjasama dengan NCIA bagi membangunkan hab pengilangan kontrak ortopedik. Hab tersebut akan memberi tumpuan kepada memenuhi permintaan global pada pinggul, lutut, tulang belakang dan implan gigi.

B. Braun Medical Industries Sdn Bhd (B. Braun)

Syarikat B. Braun adalah antara syarikat terkemuka dalam industri peralatan perubatan di Malaysia. Syarikat ini juga antara pengeluar terbesar alat perubatan di rantau ASEAN dengan mengeluarkan pelbagai produk pembedahan, farmaseutikal dan pengurusan penjagaan kesihatan. Pada tahun 2013, sebagai sebahagian daripada usaha pengembangan dan pemodenan B. Braun, NCIA telah menyediakan geran R & D yang akan menyaksikan syarikat ini bekerjasama dengan USM dan UniMAP untuk merangsang inovasi tempatan dalam bidang perubatan.

Inari Technology Sdn Bhd (Inari)

Inari adalah sebuah syarikat perkhidmatan pembuatan elektronik yang terlibat dalam pembungkusan semikonduktor *back-end*. Rangkaian perkhidmatannya terdiri daripada pemprosesan wafer *back-end*, pemasangan pakej dan ujian akhir frekuensi radio (RF) untuk industri elektronik dan semikonduktor. Inari, dengan kerjasama NCIA akan membangunkan kluster syarikat tempatan berteknologi tinggi, yang seterusnya akan menarik penyertaan lebih banyak syarikat multinasional dan syarikat-syarikat liabiliti terhad dalam sektor ini. Syarikat-syarikat tempatan ini akan menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh R & D Inari untuk membawa industri semikonduktor ke tahap yang baharu.

UWC Industrial Sdn Bhd (UWC)

Ditubuhkan pada tahun 1990, UWC adalah pengeluar kontrak dengan kepakaran dalam pam penyebaran, pelembap pra isi (prefilled) dan kunci keselamatan pintu kereta. Syarikat ini adalah pembekal utama bagi beberapa syarikat besar antaranya Intel, Agilent, Teradyne, Termo Fisher Saintifik, Honeywell dan Infineon. Dalam perkembangan semasa, Agilent Technologies telah melantik UWC sebagai rakan kongsi pengeluaran produk siap guna (*turnkey*) untuk menyokong analisis kimia dan sains hayat produk-produknya. Pada tahun 2013, UWC menghantar 14 orang pekerja mereka ke Amerika Syarikat dan Kanada untuk mendapatkan kemahiran penuh dalam teknologi pam resapan. NCIA telah membantu UWC ke arah menjadi syarikat pertama yang menghasilkan pam hampagas canggih untuk industri kimia dan sains hayat.

Japanese Climate System (JCS)

Selaras dengan kejayaan pantas oleh Mazda CX-5, syarikat Mazda Motors Corporation (MMC) memutuskan untuk mengeluarkan modelnya di Malaysia untuk pasaran ASEAN. Berikutan keputusan ini, Mazda Motors Sdn Bhd (MMSB) telah diperbadankan, dimana selepas hanya satu tahun telah berjaya mengeksport model tersebut ke Thailand.

Disebabkan perkembangan pesat MMSB ini, vendor MMC dari Jepun berminat untuk menempatkan aktiviti perlindungan mereka di rantau ini. Salah satu daripada pembekal tersebut ialah Japanese Climate System (JCS), iaitu pembekal yang membekalkan sistem kawalan cuaca kereta untuk MMC. Syarikat JCS dimiliki sepenuhnya oleh tiga syarikat iaitu Halla Visteon Climate Control Corp, Panasonic Co. Ltd dan MMC.

Pada bulan November 2013, majlis menandatangani perjanjian telah diadakan di antara JCS dan Xadacorp Sdn. Bhd untuk menuhuhan Japanese Climate System (M) Sdn Bhd (JCSM). JCSM bertujuan untuk membawa aktiviti pembuatan MMSB ke Koridor Utara dan membekalkan modul penghawa dingin untuk MMSB. Pemerbadanan JCSM berjaya mewujudkan 30 peluang pekerjaan dan membawa masuk RM30 juta pelaburan ke Koridor Utara.



Majlis Menandatangani Perjanjian Usaha Sama
Japanese Climate System dan Xadacorp Sdn Bhd





SEKTOR
PELANCONGAN

SEKTOR PELANCONGAN

Koridor Utara dikurniakan dengan kepelbagaian sumber yang kaya dengan tarikan semula jadi termasuk hutan hujan berusia 130 juta tahun, pantai berpasir putih, air panas dan tapak arkeologi yang tersebar di keempat-empat negeri di rantau ini. Ketersediaan aktiviti sokongan seperti luncur air, menaiki bot dan *treetop walks* mengikat pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih di rantau ini.

Selepas beratus-ratus tahun integrasi kaum dan budaya, telah wujud kepelbagaian budaya dan warisan di Koridor Utara. Walaupun budaya tertentu telah bersungguh-sungguh mengekalkan tradisi dan struktur masyarakat, namun semuanya teradun bersama untuk mewujudkan warisan unik yang pelbagai di Malaysia. Buktinya dapat dilihat pada tarikan seni bina bersejarah dan kraf tangan di Koridor Utara.

Oleh kerana Koridor Utara mempunyai rangkaian penerbangan yang baik, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Langkawi dihubungkan dengan bandar-bandar utama di Asia Tenggara. Ini telah banyak membantu dalam mewujudkan rangkaian sub-sektor pelancongan termasuklah perubatan, penyelidikan dan rekreasi.

Koridor Utara menawarkan nilai yang unik untuk pelancong dan pelabur. NCIA telah menjana satu strategi serampang dua mata untuk memanfaatkan kekuatan Koridor Utara dalam bidang pelancongan. Pertama, Koridor Utara diletakkan sebagai destinasi utama untuk pelancong menginap di resort bertaraf dunia dan juga bagi mereka yang merancang untuk bercuti dalam tempoh yang lama, sambil menikmati kemudahan spa. Kedua, Koridor Utara dikenali sebagai hab pelancongan perubatan serantau di Asia yang menyediakan pakar perubatan berkualiti tinggi dengan bayaran yang berpatutan.

Menurut Lembaga Pelancongan Malaysia, lebih 36 juta pelancong dijangka akan menghabiskan percutian mereka di negara ini pada tahun 2020, yang mana akan menyumbang sekitar RM168 bilion kepada ekonomi negara. Sebahagian besar daripada hasil akan datang daripada sektor peruncitan, dimana aktiviti membeli-belah adalah penyumbang kedua terbesar dalam perbelanjaan pelancong selepas penginapan.



A dynamic photograph of a person riding a jet ski. The rider is wearing a red and black helmet and an orange life vest over a dark t-shirt. They are leaning into a turn, which generates a massive, white-tipped spray of water behind them. The jet ski itself is mostly white with blue accents. The background consists of the blue ocean water.

Gambaran Keseluruhan

SEKTOR PELANCONGAN

Usaha sedang dijalankan untuk menggalakkan peralihan kepada menawarkan pelancongan bermula tinggi bagi mengambil peluang dari jangkaan peningkatan kemasukan pelancong di Koridor Utara. NCIA, dengan kerjasama Jawatankuasa Rangka Tindakan Langkawi, telah mengenal pasti dua inisiatif yang akan memanfaatkan jangkaan peningkatan kemasukan pelancong. Inisiatif pertama ialah memberi tumpuan kepada pembangunan hotel empat hingga lima bintang; manakala inisiatif kedua akan mempercepatkan pembangunan zon makanan, peruncitan dan hiburan di Telaga Harbour dan Teluk Datai.

Bagi meningkatkan lagi industri pelancongan perubatan, NCIA sedang bekerjasama rapat dengan tujuh buah hospital swasta di Pulau Pinang yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Hospital-hospital ini mempunyai profesional dalam penjagaan kesihatan iaitu, dan 99% daripada profesional dan doktornya menerima latihan lepasan ijazah di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan Kanada.



Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang baru dinaik taraf bersedia untuk mengembangkan peranannya di rantau ini

Program Insentif Penerbangan Terus Untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

Program Insentif Penerbangan Langsung merupakan kerjasama antara NCIA dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang bertujuan untuk menarik lebih banyak penerbangan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi meningkatkan jumlah kemasukan pelancong perubatan.


Kewujudan penerbangan terus merupakan salah satu faktor penentu bagi pelancong perubatan apabila mempertimbangkan lokasi untuk mendapatkan rawatan. Pesakit asing yang mendapatkan rawatan perubatan lebih suka susunan perjalanan yang lancar yang tidak melibatkan penerbangan transit.

Hong Kong Express adalah salah satu syarikat penerbangan di bawah program ini, yang akan bertindak sebagai pemangkin bagi penerbangan terus antara Pulau Pinang dan Hong Kong. Syarikat penerbangan ini mempunyai penerbangan di antara Hong Kong dan Pulau Pinang setiap hari dan berpotensi membawa 3,120 penumpang dari Hong Kong setiap bulan, atau mampu membawa 37,440 penumpang setahun. Program ini dijangka membawa masuk lebih banyak syarikat penerbangan pada masa akan datang, sekali gus memberi rangsangan kepada aktiviti ekonomi dalam industri pelancongan tempatan.

Kem Pangkalan di Sungai Kejar, Sungai Papan dan Sungai Tiang di Taman Negeri Royal Belum

Belum-Temengor adalah kompleks hutan malar yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Ia terletak di negeri Perak dan merentasi ke Selatan Thailand. Adalah dipercayai bahawa hutan hujan ini telah wujud selama lebih 130 juta tahun, menjadikannya salah satu hutan malar tertua di dunia lebih tua berbanding hutan Amazon dan Congo. Di tengah-tengah hutan terletak sebuah tasik buatan manusia iaitu Tasik Temengor yang meliputi keluasan 15,200 hektar dengan beratus-ratus pulau. Dengan kekayaan dan kepelbagaiannya, hutan yang indah ini mempunyai potensi untuk menjadi tarikan utama bagi peminat alam semula jadi.

Berlandaskan faktor ini, NCIA bekerjasama dengan Perak State Park Corporation (PSPC) untuk menaik taraf tiga tapak kem yang menjadi sebahagian daripada infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang terletak di dalam hutan malar ini. Tapak kem yang terletak di Sungai Kejar, Sungai Papan dan Sungai Tiang, adalah satu-satunya penginapan yang terdapat di Taman Negeri Royal Belum. Penaiktarafan tapak kem ini bertujuan untuk menarik kemasukan lebih ramai pelancong ke Hutan Malar Tropika Belum-Temengor.



SEKTOR PELANCONGAN



Zoo Taiping

Zoo Taiping dan Night Safari merupakan satu tarikan yang unik kerana ia adalah satu-satunya zoo di Koridor Utara dan merupakan zoo tertua di Malaysia. Dengan memanfaatkan kedua-dua kekuatan tersebut, NCIA, pengurusan Zoo Taiping dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah berusaha untuk memastikan peningkatan kemasukan pelawat secara berterusan dan meningkatkan pendapatan zoo.

Antara penambahbaikan yang telah siap dibina pada tahun 2013 ialah kandang Gajah dan Savannah Afrika , bahagian hadapan bangunan pintu masuk dan kemudahan awam. Dengan menaik taraf Savannah Afrika sedia ada kepada *African-Savannah Drive-Through*, pengunjung dapat melihat haiwan dengan lebih dekat dan ini menjadikannya satu pengalaman yang baharu dan menarik. *African-Savannah Drive-Through* juga akan membantu aliran pendapatan baharu dalam bentuk tunggangan gajah, memberi makan kepada gajah, penjualan dan acara-acara yang berkaitan.

The Light - Pembangunan Bandar “Waterfront” Bersepadu

Pembangunan *The Light* oleh UJM Corporation Berhad, merupakan sebuah projek pembangunan ikonik baharu yang menawarkan pelbagai kemudahan, dan terletak secara strategik berhampiran George Town. Konsep pembangunan pantai ikonik ini menyamai Darling Harbour di Sydney, Australia. Pembangunan bercampur yang terdiri daripada hotel, pusat konvensyen, pusat pertunjukan seni, pusat peruncitan, kediaman, taman awam, menara pejabat dan marina, bersedia untuk menjadi kawasan premium untuk kehidupan berhadapan pantai, bekerja, menikmati makanan dan hiburan.

NCIA yakin bahawa projek pembangunan ini akan menjadi pemangkin kepada pelancongan di rantau ini. Oleh itu NCIA telah berkerjasama dengan UJM untuk membayai tiga kemudahan yang boleh dinikmati oleh orang awam dan masyarakat dalam Pembangunan *The Light*, iaitu Pusat Penjaja dan Pasar, Taman Linear dan laluan basikal.



Gambaran pelukis terhadap “The Light”-Pembangunan Bandar “Waterfront” Bersepadu



SEKTOR LOGISTIK



SEKTOR LOGISTIK

Gambaran Keseluruhan





Koridor Utara merupakan kawasan yang dianugerahkan dengan sistem pengangkutan dan infrastruktur logistik yang kukuh. Ini termasuk lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan antarabangsa, Lebuhraya Utara-Selatan dan jaringan jalan raya, yang bersama-sama berfungsi sebagai tulang belakang kepada sektor logistik. Kini diperkuatkan lagi dengan siapnya jambatan kedua Pulau Pinang.

Selain memiliki infrastruktur logistik yang kuat, Koridor Utara juga terletak di tengah-tengah pusat Pertumbuhan Segi Tiga aliran perdagangan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), dan projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar, yang dijangka siap pada tahun 2014, dan dijangka memberi rangsangan kuat kepada kapasiti rel antara Padang Besar dan Pelabuhan Pulau Pinang.

Sepanjang 40 tahun yang lalu, industri logistik di Koridor Utara telah menyokong pengeluar elektronik multinasional di Pulau Pinang dan Kulim dalam mengangkut komponen elektronik sensitif di seluruh dunia. Oleh itu, terdapat satu ekosistem logistik yang sangat mantap merangkumi penggerak utama global seperti Schenker, DHL Global Forwarding, FedEx, UPS, Korean Airlines, Cathay Pacific dan sebagainya.

Bagi membuktikan kepentingan industri logistik di Koridor Utara, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang menampung hampir dua kali ganda nilai barang berbanding dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di antara tahun 2006 dan 2011. Tambahan pula, kira-kira dua pertiga daripada eksport Selatan Thailand disatukan di Padang Besar, Perlis dan keluar melalui Pelabuhan Pulau Pinang.

SEKTOR LOGISTIK

Industri Logistik

Dengan meningkatnya pengeluar yang mampan, maka adalah perlu untuk menampung permintaan logistik yang kompleks yang melibatkan pelbagai sumber, pengedar serantau dan *reverse logistics*. Ini adalah kerana rantaian bekalan yang semakin tinggi, tersebar ke seluruh dunia, di mana produk tidak lagi dikeluarkan dan diedarkan hanya dalam satu lokasi. Penggunaan sumber luar bagi aktiviti logistik merupakan strategi yang semakin meningkat, yang membolehkan pengeluar untuk memberi tumpuan kepada perniagaan teras dalam pembuatan.

Pada masa yang sama, terdapat juga banyak peluang pembuatan di Koridor Utara yang belum dicungkil walaupun aliran perdagangan serta keupayaan logistik yang menggalakkan di rantau ini. Dengan memanfaatkan beberapa sektor pembuatan utama yang menyokong ekosistem logistik yang mantap, Koridor Utara telah menarik penglibatan pihak swasta yang ingin memanfaatkan peluang-peluang ini untuk mengembangkan sektor pembuatan asas dan sektor pembuatan berpotensi.



Perbincangan Ahli-ahli Kluster Rantaian Bekalan

Kluster Rantaian Bekalan (SCC)

SCC berhasrat untuk meniru kejayaan yang pernah ditempa oleh *Solid State Lighting Cluster* sebelum ini yang merupakan usaha bersama antara sektor swasta dan NCIA. Idea mewujudkan kelompok itu pertama kali dibangkitkan oleh Agilent Technologies dan NCIA pada tahun 2012.

Dengan menggunakan pengalaman kolektif Pengamal Rantaian Bekalan SCC berhasrat untuk mewujudkan nilai tambah untuk Koridor Utara dengan membina keupayaan rantaian bekalan dan merangka inisiatif. Ini bertujuan untuk meningkatkan kedudukan Koridor Utara sebagai lokasi pembuatan yang berdaya saing.

Setakat ini, ahli-ahli SCC terdiri daripada wakil-wakil dari Agilent Technologies (Pengerusi), Intel, Motorola, DHL Kumpulan, GS1 Malaysia, Smartag Solutions, Kastam Diraja Malaysia, MITI dan NCIA. Satu mesyuarat permulaan diadakan pada Julai 2013 yang menyaksikan pemimpin-pemimpin tertinggi syarikat-syarikat ahli bersetuju dengan arah tuju yang ditetapkan oleh ahli-ahlinya.



Gambaran pelukis Kampus 'The Ship'

SEKTOR LOGISTIK



Pertukaran dokumen antara NCIA dan Inokom Corporation Sdn. Bhd



Kerjasama Industri-Akademia

Dalam perkembangan baharu dan menarik, PKT Logistik telah bekerjasama dengan Hull University (United Kingdom), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej ALC untuk mengenal pasti bidang utama transformasi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab logistik ASEAN. Jumlah pelaburan untuk projek ini dianggarkan sebanyak RM130 juta dan disokong oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan NCIA. Kehadiran Universiti Hull adalah tepat pada masanya, memandangkan NCIA ditetapkan untuk memupuk persekitaran yang kondusif untuk membangunkan inovasi melalui industri dan penglibatan ahli akademik.

Inokom Corporation

Inokom Corporation Sdn Bhd, pemasang dan pengeluar kenderaan terkenal, bersama-sama dengan NCIA telah memulakan program modal insan khusus untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir. Program ini akan mewujudkan 100 peluang pekerjaan dan mensasarkan kepada belia menganggur dan lepasan sekolah di Koridor Utara. Program ini juga selaras dengan hasrat NCIA dan Inokom mewujudkan sokongan modal insan untuk inisiatif One Auto Hub.

Para peserta akan dilatih dalam bidang sama ada lukisan automotif atau pemasangan bahagian-bahagian badan automotif. Setiap peserta perlu menjalani tempoh latihan selama 10 bulan, iaitu empat bulan untuk teori dan enam bulan latihan di tempat kerja. Kelas-kelas teori akan dijalankan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), manakala latihan di tempat kerja akan dijalankan di Inokom.

Peserta akan terikat selama 12 bulan dan akan diambil kerja oleh Inokom apabila mereka berjaya menamatkan pengajian. Setelah tamat latihan, peserta dijangka menerima pendapatan kira-kira RM1,500 sebulan dan dianugerah sijil kemahiran sama ada pada SKM 1 atau SKM 2.





PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN
MODAL INSAN

SEKTOR PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Selaras dengan perkembangan ekonomi Koridor Utara, begitu juga arah Bahagian Pendidikan dan Modal Insan (EHC). Pada mulanya EHC tertumpu kepada penyampaian program mendaratangka impak pantas untuk menangani keperluan segera dalam pembangunan modal insan. Kini, bahagian ini telah mengambil pendekatan yang mampan dan bersepada ke arah pembangunan modal insan di rantau ini dengan matlamat untuk menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Sejajar dengan visi pertumbuhan dengan ekuiti sosial, NCIA menetapkan sasaran untuk meningkatkan pendapatan dan memperbaiki kesejahteraan masyarakat luar bandar dan mereka yang kurang berasib baik di Koridor Utara. Peralihan dalam kegiatan perdagangan bernilai tinggi, produktif dan menguntungkan hanya akan dicapai melalui komitmen berterusan dalam pembangunan modal insan. Selaras dengan ini, EHC telah meluaskan kumpulan sasarannya merangkumi mereka yang kurang berasib baik, orang kurang upaya dan juga mereka yang dipinggirkan oleh masyarakat, termasuk Orang Asli.

Dalam usaha untuk membangunkan ekonomi serantau, NCIA telah merumuskan satu strategi yang menggabungkan penyertaan ahli akademik dan industri. Penglibatan secara langsung sektor swasta telah mendorong ahli akademik dalam menghasilkan tenaga kerja industri yang tinggi permintaannya. Elemen seperti keusahawanan, latihan di tempat kerja dan penyelidikan dan pembangunan digabungkan dalam program-program latihan yang akan memastikan pengetahuan yang dipindahkan akan terus dibangunkan melalui usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan.

Dalam perkembangan lain EHC juga aktif mempromosikan penggunaan amalan baik penggunaan sumber alam yang cekap bagi memastikan persekitaran yang mampan. Melalui perkongsian dengan NGO dan institusi penyelidikan, NCIA secara aktif mendidik masyarakat di rantau ini tentang kecekapan sumber dan kemampunan.



Gambaran Keseluruhan



SEKTOR PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Inisiatif Sosio-ekonomi

Program Latihan Perusahaan Sekolah Vokasional Pertanian(AVSETP)

NCIA telah memulakan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (PSED) dan Morifa Resources untuk melatih pelajar yang menghadapi masalah dalam pembelajaran dengan kemahiran fertigasi cendawan dan cili. Menurut PSED, hanya 13% daripada pelajar-pelajar yang bermasalah dalam pembelajaran mendapat pekerjaan. Keadaan yang membimbangkan ini mendorong NCIA dan PSED untuk membangunkan program khas bagi meningkatkan latihan vokasional dalam bidang pertanian di sekolah-sekolah khas dan membantu kumpulan sasaran ini dalam mewujudkan perusahaan perniagaan yang menguntungkan. Pada tahun 2013, seramai 202 pelajar kurang upaya dalam pembelajaran berjaya menamatkan program ini dan enam pusat latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah ditubuhkan. Di samping itu, 20 orang guru kini disahkan sebagai jurulatih di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), menjadikan mereka layak untuk membimbing pelajar dalam bidang ini.

NCIA-ABM Masuk Kampung

Program kemasyarakatan bersama antara NCIA dan Akademi Binaan Malaysia (ABM- Lembaga Pembangunan Latihan Industri Pembinaan), yang melibatkan kerja membaiki rumah usang dan kemudahan awam, telah memberi manfaat kepada 700 isi rumah. Melalui penglibatan yang unik ini, pelatih ABM serta pekerja binaan tempatan berpengalaman tetapi tidak bertauliah menjalankan kerja-kerja pemberian untuk mendapatkan mata Kontraktor Berterusan Pembangunan (CCD) yang akan membantu mereka dalam mendapatkan akreditasi. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah pembinaan semula sebuah rumah yang telah musnah dalam kebakaran di Kampung Teloi Tua, Sik, Kedah. Usaha yang melibatkan 10 orang pelajar ABM, 13 kontraktor tempatan dan lima orang penyelia ABM ini telah mengambil masa 14 hari untuk menyiapkan rumah tersebut.

Program Penyertaan Sosio-Ekonomi Orang Asli

Sejak penempatan semula mereka, Orang Asli dari Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor telah berjuang untuk mendapat tempat dalam masyarakat. Berdasarkan angka-angka yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli, kadar kemiskinan kumpulan ini berada pada kadar 76.9%, dimana peratus yang dianggap sebagai miskin tegar adalah 35.2%. Pahit maung Orang Asli di Belum-Temengor lebih dirumit lagi dengan kekurangan sumber semula jadi yang merupakan sumber rezeki utama mereka. Oleh itu, NCIA dan Arus Belum Sdn. Bhd telah kerjasama untuk meningkatkan status sosio-ekonomi mereka melalui program latihan untuk melengkapkan kumpulan ini dengan latihan eko-pelancongan. Pada tahun 2013, seramai 57 Orang Asli telah berjaya dilatih dan telah terlibat dalam aktiviti berkaitan pelancongan kampung.



Sebuah rumah usang sedang dibaiki di bawah program NCIA-ABM Masuk Kampung



Jururawat dari Program Kejururawatan Penjagaan Kritikal

Program Kemahiran Semula

Program Kejururawatan Penjagaan Kritikal

Untuk memenuhi keperluan bakat sektor pelancongan perubatan yang semakin meningkat, NCIA telah menjalinkan kerjasama dengan Sime Darby Healthcare Educational Services Sdn Bhd untuk menjalankan satu program khas kejururawatan penjagaan kritikal. Pada ketika ini, program tersebut melibatkan penyediaan dan penyampaian pengetahuan dan kemahiran lanjutan kepada 20 orang jururawat yang sedang bekerja di pelbagai hospital yang terletak di Koridor Utara. Setelah tamat Sijil Profesional dalam program Kejururawatan Penjagaan Kritikal mereka dijangka mendapat faedah kenaikan gaji berikutan latihan khusus yang telah mereka jalani. Jururawat yang telah menamatkan program ini akan ditawarkan ke tahap perkhidmatan yang lebih tinggi dalam penjagaan kritikal, yang akhirnya akan memberi manfaat kepada industri pelancongan perubatan Koridor Utara.

Program Latihan Pembangunan Bakat Palmco Hotels Sdn Bhd

NCIA telah menjalin perkongsian strategik dengan Palmco Hotels Sdn Bhd untuk membangunkan bakat sedia ada sebagai pengurusan pertengahan dalam industri hospitaliti. Program Latihan Pembangunan Bakat dijalankan dalam dua peringkat, di mana para peserta akan menjalani latihan antara jabatan dan memperolehi pendedahan ke seluruh negara. Latihan antara jabatan akan memberikan para peserta pandangan holistik tentang cara-cara mengoperasi hotel. Pada peringkat kedua program ini, para peserta akan ditempatkan dalam syarikat dan menjalani tempoh percubaan selama 12 bulan sebelum disahkan.

SEKTOR PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Kerjasama NCIA, Industri dan Ahli Akademik

Program Modal Insan Automotif

Model kerjasama ahli akademia antara NCIA, Inokom, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Jabatan Pembagunan Kemahiran (JPK) bertujuan untuk melatih 100 orang belia yang menganggur atau lepasan sekolah dalam bidang automotif. Selepas berjaya dalam latihan ini, para peserta akan memperoleh sijil sehingga SKM 2 dan dijamin penempatan pekerjaan tetap di kilang pemasangan Inokom. Program ini diadakan khas untuk membantu membangunkan tenaga kerja mahir untuk industri automotif di Koridor Utara. Peserta dikehendaki menjalani latihan teori selama empat bulan di sama ada GIATMARA, ADTEC, Institut Latihan Perindustrian (ILP) atau lain-lain institusi teknikal yang diiktiraf. Selepas menamatkan latihan awal, para peserta akan melalui 6 bulan latihan lapangan kerja di kilang pemasangan Inokom.



Pelatih- Pelatih ADTEC dalam Kelas Teori



Makmal Field Programmable Grid Array di UniMAP

Makmal Field Programmable Grid Array di UniMAP

Makmal FPGA yang terletak di Ambience UniMAP Kuala Perlis, menawarkan 30 kit pendidikan FPGA, telah melatih 10 orang kakitangan UniMAP dan 120 orang pelajar. Pada masa yang sama makmal ini telah meningkatkan kurikulum UniMAP dan graduan yang mungkin terlibat dalam projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan pemprosesan isyarat digital pada masa akan datang. Program ini adalah bukti kerja berpasukan yang cemerlang antara NCIA, UniMAP dan Altera kerana ia disiapkan dalam tempoh 6 bulan – iaitu 1 ½ tahun lebih awal daripada jadual.

Pusat Penjanaan Bakat di Pusat Kecemerlangan Industri Solar dan Elektronik Bersepadu NCIA (NSILICON)

Pada tahun 2013, pusat ini telah berjaya melaksanakan program pembangunan modal insan dalam *micro-fabrication* yang melibatkan pelajar, lepasan ijazah serta jurutera industri di Koridor Utara. Program pembangunan modal insan ini akan memastikan kesediaan bakat yang berterusan dalam bidang *micro-fabrication*. Setakat ini, 18 projek sarjana dan PhD, sedang dijalankan di pusat ini yang bakal menjadi platform bagi mendorong inovasi di kalangan pihak yang berkepentingan terutamanya ahli akademik dan industri.



A photograph of three young adults in professional attire (two men in shirts and ties, one woman in a patterned dress) gathered around a black laptop. They are looking at the screen and smiling, suggesting teamwork and technology. The background is a plain, light color.

PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR

PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Gambaran
Keseluruhan





Bahagian Pemasaran dan Perhubungan Pelabur (MIR) telah ditubuhkan sebagai suatu komitmen kepada pelan tindakan bagi mewujudkan pusat sehenti bagi sokongan pelabur dalam fasa pertama NCIA. Peranan utama yang dimainkan oleh bahagian MIR ketika itu, adalah untuk mendapatkan pelabur utama bagi menggalakkan aktiviti pencarian sumber luar kepada perniagaan tempatan.

Memandangkan NCIA telah memasuki fasa kedua pembangunannya, sektor swasta akan mengambil alih dan memperluaskan tanggungjawab untuk mencapai potensi kejayaan ekonomi Koridor Utara, seterusnya mengurangkan jurang pembangunan dan pendapatan antara kawasan-kawasan di Malaysia.

Di sini, NCIA memastikan bahawa sektor swasta akan terus menyokong dan mengembangkan peranannya dalam membangunkan rantau ini menerusi kaedah pemudahcara dan inisiatif khusus. Melalui penyediaan penyelesaian mengikut keadaan untuk pelaburan sektor swasta serta mengenal pasti pelabur dan boleh utama yang akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, NCIA telah berjaya menarik pelabur bertaraf dunia ke Koridor Utara dan membangunkan perusahaan tempatan untuk menyertai perusahaan serantau dan global .

PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR



Di dalam usaha untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan dalam empat bidang teras utama Koridor Utara, NCIA memudahkan penyertaan sektor swasta dengan memperkasakan ekosistem kondusif yang melibatkan kerjasama dan penyelarasian dengan pihak berkuasa berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

Selain itu, NCIA juga turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pelaburan antara sempadan dengan membantu syarikat-syarikat Malaysia di Koridor Utara mengenal pasti potensi pasaran dan pelaburan di luar negara.

Struktur

Bahagian MIR di NCIA terdiri daripada 3 unit iaitu Pembangunan Perniagaan, Pusat Perkhidmatan Sokongan Sumber (RSSC) dan Komunikasi Korporat.

Pembangunan Perniagaan

Sebagai barisan hadapan NCIA, unit Pembangunan Perniagaan sebahagian besarnya menguruskan kemudahan pelabur, dan bertanggungjawab untuk berganding tangan dengan pelabur pada semua peringkat sama ada peringkat pra-pelaburan, peringkat pelaburan dan peringkat selepas pelaburan.

Pembangunan Perniagaan merupakan titik hubung pertama bagi pelabur asing dan tempatan untuk mencari peluang pelaburan dalam Koridor Utara. Pasukan ini akan meletakkan semua sokongan yang perlu termasuk penjelajahan tapak, permohonan tanah, permohonan insentif, susunan bangunan, akses pembiayaan, pemerolehan tenaga mahir, permit dan lesen perniagaan, permohonan ekspatriat, serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kelulusan pembangunan.

Selain itu, melalui rangkaian perniagaannya yang luas, pasukan NCIA ini akan dapat mengatur padanan perniagaan antara perniagaan dengan perniagaan, perniagaan dengan kerajaan dan perniagaan dengan institusi pengajian tinggi. Bagi memastikan penyusunan kemudahan yang berkesan, pasukan NCIA akan melakukan penyelarasian dengan pihak berkuasa negeri dan agensi.

Kehadiran perwakilan NCIA di semua pejabat di keempat-empat negeri menyediakan akses yang mudah kepada pelabur yang berpotensi. Setiap pejabat menerima sokongan padu daripada ibu pejabat NCIA di Pulau Pinang dalam memastikan perkhidmatan yang lancar kepada komuniti perniagaan dan rakyat di Koridor Utara. Pejabat-pejabat negeri juga bertindak sebagai pemberi perkhidmatan kepada komuniti perniagaan yang memerlukan bantuan daripada NCIA atau mana-mana agensi kerajaan yang lain.

Pembangunan keusahawanan Bumiputera adalah sebahagian daripada keseluruhan agenda pembangunan ekonomi di Koridor Utara. Melalui perkongsian pintar dengan TERAJU, TERAJU @ Koridor Utara telah ditubuhkan untuk memberikan sokongan dan bantuan yang berkaitan kepada komuniti perniagaan Bumiputera di Koridor Utara.



PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR



Satu sesi 'Teh Tarik' anjuran RSSC



Pusat Perkhidmatan Sokongan Sumber (RSSC)

Menyedari keperluan yang mendesak untuk membangunkan usahawan berkualiti di Koridor Utara, unit RSSC ditubuhkan pada tahun 2013. RSSC menyediakan pelbagai perkhidmatan nilai tambah, direka khusus untuk memupuk dan memudahkan pertumbuhan usahawan sedia ada dan baharu di Koridor Utara. Ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen selepas pelaburan NCIA kepada masyarakat pelabur.

Pasukan ini telah memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan kepada usahawan melalui perkhidmatan yang merangkumi maklumat dan sumber perniagaan, sokongan perniagaan dan keusahawanan, latihan dan pembangunan, strategi pemasaran, pengurusan hak intelektual, perundingan dan perkhidmatan, akses kemudahan pembiayaan serta pembangunan rancangan perniagaan.

RSSC telah berjaya menjalin hubungan dengan agensi-agensi berkaitan untuk memberikan sokongan yang lancar, dan telah mewujudkan satu platform rangkaian untuk perniagaan melalui paparan program "Sesi Teh Tarik".

Komunikasi Korporat


Unit Komunikasi Korporat NCIA terlibat dalam mengurus dan menyusun atur program komunikasi bersepadu. Pasukan tersebut akan memastikan penyebaran maklumat yang telah diselaraskan, boleh dipercayai dan beretika dengan tujuan untuk menonjolkan gambaran yang tepat tentang nilai dan wawasan organisasi.

Pasukan Komunikasi Korporat juga telah memainkan peranan penting dalam memimpin dan menyediakan sokongan untuk acara-acara yang berkaitan dengan NCIA secara langsung atau tidak langsung. Antara acara-acara yang dianjurkan oleh unit ini adalah seperti upacara perasmian, majlis menandatangani, program khidmat masyarakat dan bengkel, seminar, pameran kerjaya, lawatan daripada delegasi asing dan pameran perdagangan. Ini dilakukan dengan kerjasama pihak luar dari sektor awam dan swasta.

Selain menguruskan simetri maklumat antara NCIA dan pihak-pihak berkepentingan, unit Komunikasi Korporat secara proaktif melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mewujudkan persepsi yang baik untuk organisasi. Ini dilakukan dengan membina dan mengekalkan imej dan reputasi syarikat melalui hubungan rapat dan hubungan bersifat peribadi dengan pihak yang berkepentingan.

MENYENTUH HATI RAKYAT KORIDOR UTARA

Selaras dengan falsafah pertumbuhan melalui ekuiti sosial, program-program NCIA telah membantu meningkatkan taraf hidup penduduk di wilayah ini untuk menjalani kehidupan yang produktif dan lebih selesa. Program NCIA direka khusus untuk memberi kesan limpahan ekonomi secara maksimum kepada masyarakat di Koridor Utara yang mana fokus utama adalah untuk pembangunan sosial dan ekonomi. Berikut adalah beberapa testimoni kejayaan program-program yang dilaksanakan oleh NCIA:



Munef Afifi

Munef Afifi, umur 24

Kulim, Kedah
Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) NCIA

"Program ini telah membantu saya dalam menyediakan diri untuk dunia perniagaan dengan melengkapkan diri saya dengan kemahiran insaniah. Pembimbing-pembimbing program ini telah memberi sokongan dan motivasi kepada para peserta. Saya juga telah belajar bagaimana untuk berpakaian sesuai untuk dunia perniagaan; dan meningkatkan kemahiran penyampaian saya. Pada masa ini saya bekerja dengan jabatan akaun di First Solar Sdn. Bhd "

Nor Sakriah Inani, umur 25

Seberang Perai, Pulau Pinang
NCIA Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) NCIA

"Program ini membuatkan saya berasa lebih yakin untuk berkomunikasi didalam bahasa Inggeris. Latihan-latihan yang diberikan telah memperbaiki penulisan, percakapan dan kemahiran penyampaian saya. Saya juga dapat berkenalan dengan ramai kawan-kawan baru sepanjang menyertai program tersebut. Saya amat gembira kerana kemahiran baru tersebut telah membantu saya bagi mendapatkan pekerjaan dengan Boon Siew Honda sebagai Eksekutif Latihan".

Chua Khye Shin, umur 24

Arau, Perlis
Program FPGA

"Saya merasakan bahawa program ini telah membuka mata saya kepada dunia field programmable grid arrays (FPGA) yang cukup menarik. Terdapat banyak potensi dalam bidang ini yang masih belum dieksplorasi; dan saya bersyukur kerana NCIA telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam program ini. Saya pasti akan mengesyorkan program ini kepada rakan-rakan muda fakulti, dan saya tidak sabar untuk menggunakan kemahiran yang dipelajari ini didalam kerjaya saya pada masa depan".

Fazmir Hamzah, umur 25

Arau, Perlis
Program FPGA

"Program ini telah memberikan saya maklumat terperinci tentang bidang field programmable grid arrays (FPGA) yang kian berkembang. Saya amat kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar; dan mereka telah membuatkan saya lebih berminat dalam bidang tersebut. Saya yakin bahawa makmal FPGA di UniMAP pasti akan menjadi pemangkin untuk pembangunan masa hadapan dalam bidang ini ".



Muhammad Azim Faidhi dan Muhammad Faiz Danial

Muhammad Azim Faidhi, umur 13

Mendapat 5As untuk UPSR
Program Edu-Citi Tel

"Saya amat teruja apabila setelah dipilih untuk menyertai program ini kerana ianya akan menjadi satu peluang yang amat bermakna bagi seumur hidup. Saya datang dari keluarga miskin dan pilihan saya dalam kehidupan adalah terhad. Guru-guru dan fasilitator disini sangat penyayang dan mereka telah melayan kami seperti keluarga mereka sendiri. Mereka sentiasa menggalakkan kami untuk hidup berdikari dan hari ini saya lebih yakin berbanding sebelum ini."

Muhammad Faiz Daniel, umur 13

Mendapat 5As untuk UPSR
Program Edu-Citi Tel

"Pada mulanya saya berasa tidak selesa tinggal berjauhan dari keluarga saya, tetapi selepas beberapa ketika saya telah mengenali ramai kenalan baru di asrama. Pendekatan secara peribadi daripada guru-guru telah memberikan saya lebih banyak masa untuk memberikan tumpuan kepada topik-topik yang lemah; dan ianya telah membantu saya didalam persiapan bagi menduduki peperiksaan UPSR. Ibu saya juga mengatakan bahawa saya kini lebih bertanggungjawab dan prihatin terhadap adik-beradik saya."

Puan Hawizah binti Yahya, umur 56

Kampung Telo Tua, Sik
Penerima Bantuan ABM Masuk Kampung

"Dunia saya terasa gelap apabila saya kehilangan rumah dalam satu kebakaran. Saya berasa amat sedih kerana tidak mampu untuk membina semula rumah saya kerana sumber kewangan yang terhad. Ketika itu, saya tidak melihat sesiapa pun yang dapat membantu saya. Saya terkejut apabila NCIA dan ABM bersetuju untuk membina semula rumah saya. Saya amat terhutang budi kepada mereka yang mengambil bahagian didalam membina semula rumah saya".



Puan Hawizah dengan Dato' Seri Mukhriz diiringi oleh Dato' Redza semasa majlis penyerahan

Puan Zakiah binti Arshad, umur 35

Padang Terap, Kedah
Penerima Bantuan ABM Masuk Kampung

"Saya bekerja sebagai pembantu stor di sebuah kedai runcit tempatan. Apabila dapur rumah saya rosak, saya tidak mempunyai wang untuk membaikinya. Sebagai seorang ibu tunggal yang mempunyai tiga orang anak, keutamaan yang saya berikan adalah untuk memastikan anak-anak saya mempunyai keperluan asas. Pada ketika itu, kami terpaksa hidup dengan keadaan tidak berapa selesa. Apabila NCIA menghubungi saya untuk membaiki dapur tersebut, saya begitu gembira mendapat bantuan ini. Saya rasakan seolah-olah satu bebanan yang besar telahpun diambil dari bahu saya."



Hadi menunjukkan kepada Datuk Seri Diraja Dr. Zamby Abdul Kadir cara menggunakan sumpit

Hadi bin Mes, umur 27

Kampung Sg. Tiang, Belum, Perak
Orang Asli Socio-economic Inclusion Programme

"Sebelum terlibat dengan program ini, saya tidak mempunyai banyak pilihan untuk menjana pendapatan. Saya gembira kerana NCIA telah menyediakan kami dengan latihan dalam eko-pelancongan. Sekurang-kurangnya sekarang ini saya akan mempunyai peluang mendapatkan pendapatan yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup kami sekeluarga. Saya amat berterima kasih dan berharap NCIA akan terus menyokong kami pada masa hadapan."



PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amauan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persesembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
2 JUN 2014



PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK dan YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Majlis PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : 28 Mei 2014
Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, DATO' REDZA RAFIQ BIN ABDUL RAZAK dan VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di George Town Pulau Pinang pada 28 Mei 2014.

DATO' REDZA RAFIQ BIN ABDUL RAZAK

VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR

Di hadapan saya:



PESURUHJAYA SUMPAH

LEMBARAN IMBANGAN

Pada 31 Disember 2013

	Nota	2013	2012
		RM	RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	49,451,274	51,444,948
ASET SEMASA			
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan	4	277,908,591	166,605,266
Pelbagai Terimaan, Deposit dan Prabayar	5	3,900,348	1,609,555
Tunai dan Baki Bank		1,143,098	16,437,307
		282,952,037	184,652,128
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pembiayaan Dan Akruan	6	8,571,405	15,220,381
		8,571,405	15,220,381
ASET SEMASA BERSIH			
		274,380,632	169,431,747
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Mengurus	7	41,682,193	31,440,517
Kumpulan Wang Pembangunan (RMK-9)	8	35,530,723	53,740,852
Kumpulan Wang Pembangunan (RMK-10)	9	172,126,966	60,357,515
Dana PEMANDU	10	60,050,926	59,252,474
Dana Khas - UPE	11	4,191,098	6,085,337
Dana Khas - KPWKM	12	250,000	-
Dana TERAJU	13	10,000,000	10,000,000
		323,831,906	220,876,695

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	2013	2012
		RM	RM
PENDAPATAN			
Pemberian Kerajaan Persekutuan	7	21,000,000	20,000,000
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-9)	8	18,210,129	22,156,844
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-10)	9	81,491,849	50,103,265
Dana PEMANDU Dilunaskan	10	34,201,548	34,762,999
Dana Khas -UPE Dilunaskan	11	4,098,814	1,494,655
Faedah Bank	7	8,859,361	6,126,495
Untung / (Rugi) dari pelupusan aset	7	(17,029)	2,853
Pendapatan Lain	7	5,285,606	2,927,210
		173,130,278	137,574,321
PERBELANJAAN			
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-9)	8	18,210,129	22,156,844
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-10)	9	81,491,849	50,103,265
Dana PEMANDU	10	34,201,548	34,762,999
Dana Khas -UPE	11	4,098,814	1,494,655
Perbelanjaan Operasi	14	24,886,262	22,600,196
		162,888,602	131,117,959
LEBIHAN PENDAPATAN			
		10,241,676	6,456,362

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013

NOTA	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Dana PEMANDU RM	Dana Khas UPE RM	Dana Khas KPWKM RM	Dana TERAJU RM	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2012	24,984,155	134,758,476	9,350,473 ⁴	3,779,992	–	–	212,873,096
Lebihan Pendapatan (Kurangan) Bagi Tahun Semasa	7,8,9, 10,11,12, 13 & 14	6,456,362	(20,660,109)	9,902,001	2,305,345	– 10,000,000	8,003,599
Pada 31 Disember 2012	31,440,517	114,098,367	59,252,474	6,085,337	– 10,000,000	220,876,695	
Pada 1 Januari 2013	31,440,517	114,098,367	59,252,474	6,085,337	– 10,000,000	220,876,695	
Lebihan Pendapatan (Kurangan) Bagi Tahun Semasa	7,8,9, 10,11,12, 13 & 14	10,241,676	93,559,322	798,452 (1,894,239)	250,000	– 102,955,211	
Pada 31 Disember 2013	41,682,193	207,657,689	60,050,926	4,191,098 250,000	10,000,000	323,831,906	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Lebihan pendapatan sebelum cukai		10,241,676	6,456,362
Pelarasan untuk: -			
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	3	425,098	834,941
(Untung) / Rugi atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		17,029	(2,853)
Faedah Diterima – Kumpulan Wang Mengurus		(8,859,361)	(6,126,495)
Geran Pembangunan		(135,850,960)	(106,404,654)
(Kurangan)/Lebihan pendapatan sebelum perubahan dalam modal kerja		(134,026,519)	(105,242,699)
(Tambah)/(Kurangan) dalam modal kerja: -			
Pelbagai Terimaan, Deposit dan Prabayar		(2,290,793)	(740,454)
Pelbagai Pembiayaan dan Akruan		(6,648,977)	(11,903,685)
Tunai bersih (digunakan) / daripada aktiviti operasi		(142,966,289)	(117,886,838)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Harta tanah, Loji dan Peralatan			
Tambahan	3	(599,832)	(40,480,269)
Penerimaan daripada pelupusan		-	4,350
Faedah Diterima – Kumpulan Wang Mengurus		8,859,361	6,126,495
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		8,259,530	(34,349,424)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan			
Geran Pembangunan diterima		230,715,875	110,065,000
(Kurangan)/Penambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		96,009,116	(42,171,262)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		183,042,573	225,213,835
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		279,051,689	183,042,573
Terima daripada: -			
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan		277,908,591	166,605,266
Tunai dan Baki Bank		1,143,098	16,437,307
		279,051,689	183,042,573

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. MAKLUMAT UMUM

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam mengerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Sehingga 31 Disember 2013, bilangan pekerja NCIA adalah seramai 117 orang (2012: 111 orang)

Ibu pejabat NCIA berada di Tingkat 20 & 21 Menara KWSP, No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 George Town, Pulau Pinang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Bukit Minyak, Cyberjaya, Alor Setar dan Taiping.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui resolusi pekeliling yang bertarikh 28 Mei 2014.

2. RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai oleh NCIA di mana ianya konsisten dengan polisi-polisi yang telah dikeluarkan serta diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan NCIA disediakan berdasarkan prinsip kos sejarah dan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS") yang dikeluarkan oleh MASB, Akta NCIA 2008 serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 (Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan) melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

(b) Pengiktirafan Pendapatan

i) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila terakru dengan mengambil kira hasil efektif aset berkenaan.

ii) Pemberian Geran – Geran Kerajaan Persekutuan

Geran Mengurus dan Pembangunan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diperakui kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran Pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk dipadankan dengan belanja pembangunan seperti mana yang diluluskan. Geran yang tidak dapat dipadankan dengan belanja pembangunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbangan sebagai geran tertunda.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

Susut Nilai

Pembelian bagi harta, loji dan peralatan yang bernilai RM500 ke bawah akan diambil kira terus ke penyata kewangan sebagai perbelanjaan. Kaedah garis lurus digunakan untuk pelupusan kos harta, loji dan peralatan mengikut kadar anggaran guna hayat bagi setiap bahagian harta, loji dan peralatan berdasarkan kadar-kadar seperti berikut:-

Bangunan	2%
Ubahsuai	10%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Kenderaan	25%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

(d) Pajakan

Pajakan kewangan, yang memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan item yang dipajak, dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama aset pajakan.

Aset pajakan disusutnilai sepanjang anggaran hayat berguna aset tersebut.

Bangunan di Bayan Lepas telah diperolehi pada 10 Ogos 2009 dengan baki tempoh pajakan selama 44 tahun. Susut nilai dikira untuk tempoh 44 tahun.

Bangunan di Pusat Inkubator Bioteknologi telah diperolehi pada 3 Mei 2011 dengan tempoh pajakan selama 60 tahun.

(e) Penghutang Lain

Penghutang lain dinyatakan pada kos ditolak peruntukan jangkaan nilai boleh terima. Hutang lapuk dihapus kira apabila telah dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan semakan ke atas jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan.

(f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi deposit dengan institusi kewangan dan tunai di bank.

(g) Cukai dan Cukai Tertunda

Cukai pendapatan NCIA adalah hanya kepada pendapatan dividen selaras dengan pengecualian yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan seperti mana yang dinyatakan pada nota 16 dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri pada tarikh lembaran imbangan.

(h) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

(i) Peruntukan Bagi Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

(j) Kebajikan Pekerja

Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

Pelan Caruman

NCIA dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") untuk semua kakitangan yang layak berdasarkan kadar yang telah ditentukan mengikut gaji kakitangan. Caruman majikan kepada KWSP dilaporkan secara berasingan. Caruman kakitangan kepada KWSP termasuk di dalam gaji dan upah.

(k) Kumpulan Wang

Kumpulan Wang adalah satu kumpulan wang yang ditubuhkan dan diuruskan mengikut Akta NCIA 2008 (Akta 687).

(l) Penyata Aliran Tunai

NCIA mengamalkan kaedah tidak langsung dalam menyediakan penyata aliran tunai. Kesetaraan tunai merupakan deposit dengan institusi kewangan dan tunai di bank.

(m) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Risiko Kadar Faedah

NCIA boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah dan perubahan dalam keluk kadar hasil. Kepekaan kepada kadar faedah disebabkan ketidakpadanan bagi penepatan semula kadar harga, aliran tunai, lain-lain karektor aset dan liabiliti yang berhubungan. NCIA mengawal pendedahan risiko kadar faedahnya menggunakan instrumen kewangan dan terhad kepada pelaburan jangka pendek.

Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

NCIA mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dengan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan tanggungan kewangan.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Aset Operasi

2013					Tanah Hakmilik	Bangunan Hakmilik	Jumlah
	Perabot dan Kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Ubahsuai	Sementara	Sementara	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos							
Pada 1 Januari	885,796	2,234,457	580,989	-	-	-	3,701,242
Perubahan semasa							
- Tambahan	117,780	54,538	252,824	-	-	-	425,142
- Pelupusan	(137,262)	(210,241)	-	-	-	-	(347,503)
Pada 31 Disember	866,314	2,078,754	833,813	-	-	-	3,778,881
Susut Nilai Terkumpul							
Pada 1 Januari	523,657	2,035,585	375,570	-	-	-	2,934,812
Perubahan semasa							
- Tambahan	143,352	135,041	146,705	-	-	-	425,098
- Pelupusan	(121,220)	(209,254)	-	-	-	-	(330,474)
Pada 31 Disember	545,789	1,961,372	522,275	-	-	-	3,029,436
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Disember	320,525	117,382	311,538	-	-	-	749,445

Aset Pembangunan

2013					Tanah Hakmilik	Bangunan Hakmilik	Jumlah
	Perabot dan Kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Ubahsuai	Sementara	Sementara	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos							
Pada 1 Januari	1,596,960	92,890	236,348	8,113,554	4,705,446	38,929,282	53,674,480
Perubahan semasa							
- Tambahan	119,720	54,970	-	-	-	-	174,690
- Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember	1,716,680	147,860	236,348	8,113,554	,705,446	38,929,282	53,849,170

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Aset Pembangunan

2013	Perabot dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Kenderaan RM	Ubahsuai RM	Hakmilik Sementara RM	Tanah Hakmilik Sementara RM	Bangunan Hakmilik Sementara RM	Jumlah RM
Susut Nilai Terkumpul								
Pada 1 Januari	323,072	30,963	177,261	811,355	271,999	1,381,312	2,995,962	
Perubahan semasa								
- Tambahan	343,336	45,289	59,087	811,355	90,545	801,767	2,151,379	
- Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember	666,408	76,252	236,348	1,622,710	362,544	2,183,079	5,147,341	
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember	1,050,272	71,608		- 6,490,844	4,342,902	36,746,203	48,701,829	
Jumlah Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember	1,370,797	188,990	311,538	6,490,844	4,342,902	36,746,203	49,451,274	

Aset Operasi

2012	Perabot dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Kenderaan RM	Ubahsuai RM	Hakmilik Sementara RM	Tanah Hakmilik Sementara RM	Bangunan Hakmilik Sementara RM	Jumlah RM
Kos								
Pada 1 Januari	844,675	2,180,961	428,073		-	-	-	3,453,709
Perubahan semasa								
- Tambahan	43,611	60,256	152,916		-	-	-	256,783
- Pelupusan	(2,490)	(6,760)	-		-	-	-	(9,250)
Pada 31 Disember	885,796	2,234,457	580,989		-	-	-	3,701,242
Susut Nilai Terkumpul								
Pada 1 Januari	349,171	1,504,027	254,426		-	-	-	2,107,624
Perubahan semasa								
- Tambahan	175,480	538,317	121,144		-	-	-	834,941
- Pelupusan	(994)	(6,759)	-		-	-	-	(7,753)
Pada 31 Disember	523,657	2,035,585	375,570		-	-	-	2,934,812
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember	362,139	198,872	205,419		-	-	-	766,430

**Aset
Pembangunan**

2012	Perabot dan Kelengkapan	RM	Komputer	Kenderaan	Ubahsuai	Tanah	Bangunan	Jumlah
						Hakmilik	Hakmilik	
						Sementara	Sementara	
Kos								
Pada 1 Januari	9,200	–	236,348	–	4,705,446	8,500,000	13,450,994	
Perubahan semasa								
- Tambahan	1,587,760	92,890	–	8,113,554	–	30,429,282	40,223,486	
- Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember	<u>1,596,960</u>	<u>92,890</u>	<u>236,348</u>	<u>8,113,554</u>	<u>4,705,446</u>	<u>38,929,282</u>	<u>53,674,480</u>	
Susut Nilai Terkumpul								
Pada 1 Januari	3,680	–	118,174	–	181,454	579,545	882,853	
Perubahan semasa								
- Tambahan	319,392	30,963	59,087	811,355	90,545	801,767	2,113,109	
- Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember	<u>323,072</u>	<u>30,963</u>	<u>177,261</u>	<u>811,355</u>	<u>271,999</u>	<u>1,381,312</u>	<u>2,995,962</u>	
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember	<u>1,273,888</u>	<u>61,927</u>	<u>59,087</u>	<u>7,302,199</u>	<u>4,433,447</u>	<u>37,547,970</u>	<u>50,678,518</u>	
Jumlah Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember	<u>1,636,027</u>	<u>260,799</u>	<u>264,506</u>	<u>7,302,199</u>	<u>4,433,447</u>	<u>37,547,970</u>	<u>51,444,948</u>	

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DEPOSIT TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2013 RM	2012 RM
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan terdiri daripada: -		
Kumpulan Wang Mengurus	40,696,726	17,073,432
Kumpulan Wang Pembangunan	237,211,865	149,531,834
	277,908,591	166,605,266

5. PELBAGAI TERIMAAN, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2013 RM	2012 RM
Pelbagai Terimaan, Deposit dan Prabayar	3,900,348	1,609,555

6. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2013 RM	2012 RM
Pemiutang Lain	1,008,600	577,822
Perbelanjaan Terakru	7,562,805	14,642,559
	8,571,405	15,220,381

Pelbagai pemiutang merangkumi jumlah tertunggak perbelanjaan semasa.

7. KUMPULAN WANG MENGURUS

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	31,440,517	24,984,155
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	21,000,000	20,000,000
Faedah bank	8,859,361	6,126,495
(Untung) /Rugi atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	(17,029)	2,853
Pendapatan lain-lain	5,285,606	2,927,210
	66,568,455	54,040,713
Tolak: -		
Perbelanjaan operasi	24,886,262	22,600,196
Baki pada 31 Disember	41,682,193	31,440,517

8. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (RMK-9)

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	53,740,852	75,897,696
Tolak: -		
Geran Dana Pembangunan dilunaskan		
Pertanian	1,614,638	8,384,472
Pembuatan	15,910,975	5,717,368
Pelancongan	684,516	1,877,579
Infrastruktur	-	159,055
Pendidikan dan Modal Insan	-	2,025,025
Projek Khas	-	3,993,345
	18,210,129	22,156,844
Baki pada 31 Disember	35,530,723	53,740,852

Termasuk di dalam perbelanjaan pembangunan, ialah susut nilai aset pembangunan untuk tahun semasa berjumlah RM1,410,246 (2012 : RM1,410,246).

9. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (RMK-10)

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	60,357,515	58,860,780
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	193,261,300	51,600,000
	253,618,815	110,460,780
Tolak: -		
Geran Dana Pembangunan dilunaskan		
Pertanian	21,330,163	22,543,646
Pembuatan	33,032,261	13,771,935
Pelancongan	8,017,991	2,431,235
Pendidikan dan Modal Insan	17,508,166	9,985,982
Logistik	645,203	1,370,467
Projek Khas	958,065	-
	81,491,849	50,103,265
Baki pada 31 Disember	172,126,966	60,357,515

Termasuk di dalam perbelanjaan pembangunan, ialah susut nilai aset pembangunan untuk tahun semasa berjumlah RM741,133 (2012 : RM702,863).

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

10. DANA PEMANDU

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	59,252,474	49,350,473
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	35,000,000	44,665,000
Tolak: -		
Geran Dana PEMANDU dilunaskan		
Pertanian	1,845,000	12,555,000
Pembuatan	31,943,210	22,171,337
Pendidikan dan Modal Insan	413,338	36,662
	34,201,548	34,762,999
Baki pada 31 Disember	60,050,926	59,252,474

11. DANA KHAS - UPE

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	6,085,337	3,779,992
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	2,204,575	3,800,000
Tolak: -		
Geran Dana Khas - UPE dilunaskan		
Pendidikan dan Modal Insan	4,098,814	1,494,655
Baki pada 31 Disember	4,191,098	6,085,337

12. DANA KHAS - KPWK

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	250,000	-
	250,000	-
Tolak: -		
Geran Dana Khas - KPWK dilunaskan	-	-
	250,000	-
Baki pada 31 Disember	250,000	-

13. DANA TERAJU

	2013 RM	2012 RM
Baki pada 1 Januari	10,000,000	-
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	-	10,000,000
	10,000,000	10,000,000
Tolak: -		
Geran Dana TERAJU dilunaskan	-	-
	10,000,000	10,000,000
Baki pada 31 Disember	10,000,000	10,000,000

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

14. PERBELANJAAN OPERASI

	2013 RM	2012 RM
Kumpulan Wang Mengurus:		
Kos kakitangan		
- Gaji	10,427,437	8,744,260
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,093,388	1,497,148
- Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	59,167	50,107
- Kos kakitangan lain	3,077,695	3,581,246
- Elaun kenderaan	983,938	854,612
- Elaun perjalanan	38,600	32,216
Sewaan pejabat	842,224	822,224
Perbelanjaan pejabat	444,526	407,388
Susut Nilai hartanah, loji dan peralatan	425,098	834,941
Pemasaran dan pengiklanan	834,322	1,160,224
Penginapan dan perjalanan	1,475,637	1,075,120
Fi guaman dan profesional	339,240	226,417
Elaun Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	183,000	167,297
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	8,700	4,950
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	1,050	3,500
Kos percetakan dan alat tulis	263,235	240,607
Sewaan peralatan lain	124,139	162,771
Penyelenggaraan dan pembaikan	762,836	388,297
Kos perubatan	862,738	748,047
Kos kerian	309,557	495,920
Caj bank	2,632	2,046
Kos utiliti	567,301	535,066
Pos dan penghantaran	8,486	11,735
Kos telekomunikasi	497,241	453,762
Fi Audit	18,000	18,000
Latihan dan pembangunan modal insan	236,075	82,295
	24,886,262	22,600,196

15. MAKLUMAT PEKERJA

	2013 RM	2012 RM
Kos kakitangan	16,680,225	14,759,589

Termasuk dalam kos kakitangan adalah sumbangan daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM2,093,388 (2012: RM1,497,148) masing-masing.

16. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan kecuali dividen dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun mulai tahun taksiran 2008 hingga 2017.

17. KOMITMEN OPERASI DAN PEMBANGUNAN

	2013 RM	2012 RM
Diluluskan dan Dikontrakkan Perbelanjaan Pembangunan	157,570,587	128,757,662

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

18. ANGKA PERBANDINGAN

Di dalam Penyata Kewangan sebelum ini, aset-aset yang diperolehi melalui peruntukan pembangunan (RMK-9 dan RMK-10) telah dihapuskira di dalam Penyata Kewangan. Mulai tahun 2013, NCIA telah mempermodalkan aset berjumlah RM53,849,170 yang diperolehi melalui peruntukan pembangunan. Angka perbandingan bagi tahun 2012 sebagaimana berikut telah dinyatakan semula di dalam Penyata Kewangan 2013 untuk menunjukkan perubahan dalam persembahan item berkaitan serta pengelasan semula item tersebut di dalam Penyata Kewangan tahun semasa:

Lembaran Imbangan

	Dinyatakan Semula 2012	2012
	RM	RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	51,444,948	766,430
DIBIAYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Pembangunan (RMK-9)	53,740,852	21,757,530
Kumpulan Wang Pembangunan (RMK-10)	60,357,515	41,662,321

Penyata Pendapatan

	Dinyatakan Semula 2012	2012
	RM	RM
PENDAPATAN		
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-9)	22,156,844	41,572,026
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-10)	50,103,265	68,798,459
PERBELANJAAN		
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-9)	22,156,844	41,572,026
Geran Pembangunan Dilunaskan (RMK-10)	50,103,265	68,798,459

Penyata Perubahan Ekuiti

	Dinyatakan Semula	2012	2012
	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	
	Pembangunan	Pembangunan	
	RM	RM	
Pada 1 Januari 2011		204,541,905	205,766,989
Lebihan Pendapatan (Kurangan) Bagi Tahun Semasa		(69,783,429)	(83,576,653)
Pada 31 Disember 2011		<u>134,758,476</u>	<u>122,190,336</u>
-----	-----	-----	-----
Pada 1 Januari 2012		134,758,476	122,190,336
Lebihan Pendapatan (Kurangan) Bagi Tahun Semasa		(20,660,109)	(58,770,485)
Pada 31 Disember 2012		<u>114,098,367</u>	<u>63,419,851</u>

Penyata Aliran Tunai

	Dinyatakan Semula	2012	2012
	RM	RM	
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Pelarasian untuk: -			
Geran Pembangunan	(106,404,654)	(36,563,139)	
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Hartanah, Loji dan Peralatan Tambahan	(40,480,269)	(256,783)	
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan			
Geran Pembangunan diterima	110,065,000	-	

LIPUTAN MEDIA

Harian Metro SELASA 3 SEPTEMBER 2013

Bisnes

41

Pasaran panel solar terus meningkat



YASUO YOSHII (dua dari kiri) menunjukkan pelan pembangunan kilang kepada Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mohamad (kiri) dan Ku Abdul Rahman (kanan). Bernama

WS

Agriculture in NCER gets Japan boost

OVER 3 YEARS: Plans to set up R&D processing centres, 30 greenhouses



NCER chief executive Datuk Redza Radzi (second from right) with (from left) JAPF Japan president Shiro Koseure, NKEC CEO Hayriye Fikuslu and JPA Asia Pacific managing director Mazuz Matsuura at the signing ceremony in Tokyo yesterday. Bernama

Marine Climate Implementation Authority (NCIA) chief executive Datuk Redza Radzi said the investments, which will come from a Japanese company and a local firm, are aimed at enhancing environmental heat pumps and carbon dioxide generation.

At the signing ceremony were JPA Asia Pacific managing director and executive vice president Shiro Koseure and NKEC chief executive officer Hayriye Fikuslu.

A memorandum of agreement was signed between NKEC, JAPF, Asia Pacific Services Sdn Bhd, JPAF Asia Corporation Co Ltd and NKEC outlining terms of collaboration.

The investments will be made

in four phases. The first phase,

which will take off soon, will involve the setting up of the R&D centre and the high-technology greenhouse.

The second and third phases will involve setting up two more facilities for RM10 million for 20 greenhouse.

A RM3-million collection process, which will also be involved, will involve the setting up of the R&D centre and the high-technology greenhouse.

"An additional RM10 million is allocated for setting up three more facilities, especially younger locals and immigrants, who will eventually in turn, become specialists for certain crops and trainers in Malaysia and the Asian region," he noted.

Gericik Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bersama Kerajaan Perak melancarkan Kem Pelancongan Taman Negeri Royal Belum dalam usaha membawa Hab Hutan Tropika Belum, Temenggor ke peringkat antarabangsa.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zamby Abdul Kadir berkata, projek keseluruhan bernilai RM4.7 juta itu adalah usaha yang dijalankan oleh pihak NCIA menaik taraf dan membawa pulih tiga daripada empat kota pelancongan di hutan berkenaan termasuk di Sungai Tiang, Sungai Pan dan Sungai Kejur.

"Projek menaik taraf ini bermula September lalu dijangka siap keruahannya pada September 2015," katanya pada sif media selepas memotawat dan merasmikan Kem Pelancongan Taman Negeri Royal Belum dan

DR Zamby menandatangani plak perasmian Kem Pelancongan di Kampung Sungai Tiang.

Parlimen seluruh Undan Temer dan K Datuk Zam Belum versiti

KORIDOR UTARA MALAYSIA

Perkasaan pelaburan dan pe Lonjakan Ko

(大山脚) 北马经济走廊机构 (NCIA) 首席执行官拿督拉菲说，过去3年，NCIA在水方面已引进接近10亿令吉的私投资额。

他说，NCIA招商领域主要农业、制造业、旅游业及物流今年的招商引资目标是100

JEFI : 冷凍水



李永全（左四）及陈明伟王军、林祥志；右四起是伦明元。

KEHIDUPAN

Wajah kejayaan masyarakat
penduduk Wilayah Eko
i Koridor Utara aksaraan
kehidupan dan pembi
ngunan Wilayah Ekonomi
Pantai Timur (CEEP) an
tarapaparan Wajah Ke
hidupan semalam.

Hari ini pula nik
mat yang diperoleh pen
duuk di tanah air
hasil pelaksanaan Wil
ayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

kini semakin berkembang
maju dalam industri pem
prosesan ikon air tawar, laut
dan udang.

"Hastil makam tunti ini
ditutup dalam bentuk juk
beku, tempura dan saté
sehingga dijadikan di dalam

Jutawan

Bisnes proses i
tawar berkembang
bantuan agensi k

CORPORATE MALAYSIA

NCIA upbeat on reaching RM10b target for 2013

CEO Redza says
NCIA has attracted 22b investments
in the 1H of the year



Redza (left) and Minister in the Prime Minister's Department Sarker Dato Sri Abdil Wahid Omar at the briefing in Ara Kuala Lumpur. Redza expects more local participation in the future for NCIA, with the manufacturing sector acting as the catalyst

Irid

Development Authority

"Manufacturing is the tradi
tional sector within the area,"

said Redza

The year 2013 marks the

investment result with RM12.5

billion in private sector invest
ment, creating 30,000 jobs."

He said there will be more
local participation in the fu
ture, with the manufacturing

